

Promosi MyDebit x Tealive - Diskaun RM1 dengan pembelian sebarang minuman dengan menggunakan kad ATM MyDebit (Diskaun Segera) ("Promosi")

Promosi ini dianjurkan oleh TEALIVE (“Penganjur”) dengan kerjasama PAYMENTS NETWORK MALAYSIA SDN. BHD (“Penaja Hadiah”).

Terma dan Syarat

1. Nikmati diskaun RM1.00 dengan pembelian sebarang minuman dengan menggunakan kad ATM MyDebit.
2. Promosi sah dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Oktober 2020 atau terhad kepada 390,000 cawan/pembelian pertama yang ditebus sehingga stok masih ada, mana-mana satu yang lebih dahulu ("Tempoh Promosi").
3. Promosi hanya terhad kepada SATU (1) minuman setiap resit dan setiap pelanggan.
4. Promosi sah hanya untuk pembayaran melalui kad ATM MyDebit secara pembelian dalam kedai untuk sebarang minuman di mana-mana kedai pihak Penganjur yang mengambil bahagian. Senarai kedai Tealive yang mengambil bahagian di seluruh negara boleh didapati di “<https://www.tealive.com.my/outlets>” kecuali kedai Tealive di AEON Delica Foodcourts, Maxvalu dan Cold Storage KLCC.
5. Hanya pembelian dengan harga penuh untuk apa-apa minuman layak untuk menikmati Promosi ini. Minuman/pembelian dengan promosi lain atau apa-apa baucar adalah tidak layak untuk Promosi ini.
6. Promosi ini terhad kepada 390,000 cawan yang pertama yang dijual dalam Tempoh Promosi di semua kedai pihak Penganjur yang mengambil bahagian.
7. Promosi ini tidak boleh ditukar atau diganti dengan produk lain atau wang tunai.
8. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau membatalkan Promosi mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa perlu memberikan sebarang notis tidak terhad kepada apa-apa arahan kerajaan termasuk perintah kawalan pergerakan.
9. Terma dan Syarat boleh dirujuk dengan lebih lanjut pada terma dan syarat Promosi yang boleh didapati di halaman Facebook Tealiveasia (<https://www.facebook.com/tealiveasia/notes/>).
10. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan adalah di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
11. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur/Penaja Hadiah atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur/Penaja Hadiah untuk tujuan Promosi ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan akibat dari penyertaan ke dalam Promosi ini.
12. Pada bila-bila masa berkaitan, dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ["Data Peribadi"] serta memberikan kebenaran kepada bank peserta untuk mendedahkan Data Peribadi mereka untuk tujuan menjalankan Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Pelanggan di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.